

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

---

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 7 (28)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2021-2022)  
BILANGAN 3 TAHUN 2021**

**Tarikh** : 27 April 2021 (Selasa).  
**Masa** : 10.30 Pagi – 12.00 Tengahari.  
**Tempat** : Dewan Bunga Tanjung,  
**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.**

**Hadir** : Seperti dilampiran kehadiran.

---

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 14 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan April 2021.

**3. PERUTUSAN Pengerusi**

YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia-Nya, kita dapat menghadiri Mesyuarat Majlis pada kali ini. Beliau ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada Majlis khususnya di dalam merealisasikan segala perancangan dan program-program yang dirancang Majlis. Segala pencapaian dan kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu selain semangat kerja berpasukan.



Perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya termasuk proses permohonan daripada pelanggan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akan terus dilaksanakan dengan amalan norma baharu dan pematuhan terhadap SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Melihat kepada peningkatan kes Covid-19, beliau ingin menegaskan agar semua kakitangan dan pelanggan Majlis tidak leka dan alpa dalam mematuhi SOP yang telah ditetapkan bagi mencegah penularan wabak pandemik Covid-19 terutama semasa berurusan dengan kaunter Majlis.

Justeru, dalam mengharungi situasi ini, beliau memohon kerjasama semua pihak agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik khususnya buat warga bandar raya Petaling Jaya.

Beliau turut memaklumkan, Kerajaan Negeri memandang serius berkaitan beberapa laporan negatif ke atas Kerajaan Negeri. Berdasarkan penelitian Kerajaan Negeri, kita mengambil tindakan tidak berdasarkan dasar atau peraturan undang-undang atau garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis atau Kerajaan Negeri.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri memohon agar kita mengambil serius perkara ini dan lebih fokus kepada isu komunikasi yang berkesan agar maklumat diterima oleh penduduk dan tidak mendatangkan kerugian kepada majlis sekiranya tindakan undang-undang dikenakan kepada Majlis.

### **3.1 RASUAH ITU SATU JENAYAH**

Mutakhir ini negara dikejutkan dengan isu mengenai kartel rasuah yang dipercayai telah memonopoli ratusan tender kementerian dan agensi kerajaan sejak tujuh tahun lalu dengan nilai projek dianggarkan mencecah RM 3.8 billion.

Statistik tangkapan SPRM dari tahun 2015 hingga 2020 menunjukkan sejumlah 5,652 tangkapan telah dibuat dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,683 atau 47.5 peratus adalah terdiri daripada penjawat awam.

Berdasarkan situasi ini juga, kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dunia bagi tahun 2020 jatuh ke kedudukan 57 daripada 180 negara berbanding tangga 51 pada 2019.

Antara faktor berlakunya rasuah dan ketirisan ialah keterlibatan individu-individu yang berkuasa yang tidak berintegriti, tidak bertanggungjawab dan tidak beramanah dalam memutuskan sesuatu perkara seperti perolehan kerajaan selain menjadi pembocor maklumat kepada pihak ketiga.



Oleh yang demikian, adalah penting bagi semua penjawat awam untuk mengamalkan sikap integriti, jujur dan telus dalam melaksanakan apa jua tugas yang diamanahkan mahupun menjalani kehidupan seharian. Kegagalan untuk mengawal diri dalam menerima rasuah bukan sahaja memberi kesan kepada diri sendiri malah turut memberi kesan kepada ahli keluarga dan mereka yang berada di sekeliling kita.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak akan berkompromi dengan mana-mana kakitangan yang terlibat dengan pelakuan rasuah, pelanggaran peraturan atau undang-undang walaupun jumlah mereka yang terbabit dalam kegiatan tersebut adalah kecil. Malah, Majlis akan memberi kerjasama dan komitmen yang penuh kepada badan berautoriti seperti SPRM dan PDRM jika mana-mana kakitangan Majlis disabitkan dengan gejala rasuah mahupun jenayah. Tindakan tegas akan diambil termasuklah penamatan perkhidmatan terhadap mereka yang didapati terbabit dan didapati bersalah dalam jenayah, gejala rasuah, serta salah laku yang serius dan kes berulang.

Majlis turut akan melaksanakan penapisan ketat terhadap calon-calon penjawat awam yang baharu dan selepas pelantikan, mereka diwajibkan menghadiri pelbagai kursus yang menekankan pelbagai aspek dan perkara berkaitan kerja serta jati diri termasuk hal rasuah dan salah guna kuasa kerana seseorang penjawat awam yang telah diamanahkan kuasa dan tanggungjawab, perlu bertindak secara telus dengan mematuhi proses atau prosedur undang-undang ditetapkan.

### **3.2 PENGURUSAN PROJEK MAMPAN MALAYSIA 2020 : MBPJ TERIMA 3 ANUGERAH KHAS**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima 3 anugerah bersempena Malaysian GPM Sustainability Recognition Awards 2020 di bawah kategori Anugerah Project of The Year (Special Recognition) Projek Kebun Kita @ Jabatan Landskap MBPJ, Anugerah Project of The Year (Special Recognition) Projek Kebun Kita @ Dataran Anak Muda PJ, dan Anugerah Project of The Year (Special Recognition) Projek Segar Tani @ Damai Setia di Majlis Anugerah Pengurusan Projek Mampan Malaysia 2020 yang telah diadakan pada 30 Mac 2021 yang lalu.

Malaysian GPM Sustainability Recognition Awards 2020 merupakan penganugerahan “Pengurusan Projek Hijau Malaysia (Malaysia Green Project Management Award) 2020” di mana penyertaannya telah dibuka pada 1 September 2020 sehingga 31 Oktober 2020.



Semua jenis projek layak untuk dipertandingkan bagi penganugerahan ini dan sekiranya projek tersebut mencapai objektif mana-mana 17 Matlamat Pembangunan Mampan – Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation – Sustainability Development Goals). Jenis projek juga perlulah mempunyai elemen-elemen penilaian kepada 5 perkara iaitu produk, proses, sosial, persekitaran dan kemakmuran ekonomi (P5 Framework untuk kemampuan projek).

Pada tahun 2020, Majlis di bawah Jabatan Landskap telah mencadangkan 3 projek iaitu Kebun Kita@Jabatan Landskap (kebun bandar di perkarangan pejabat yang dibangunkan oleh kakitangan Jabatan Landskap sebagai showroom pertanian bandar), Kebun Kita@Dataran Anak Muda (kebun bandar yang diusahakan bersama komuniti PJS1South Avenue) dan Segar Tani@Damai Setia (kebun bandar berkonsep 'farm to table' yang diusahakan oleh komuniti Damai Setia).

Pada 8 Disember 2020, pihak penjurian Malaysian GPM Sustainability Recognition Awards telah mengumumkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai penerima anugerah Project of the Year 2020 bagi ketiga-tiga projek yang dipertandingkan. Anugerah ini merupakan julung kalinya dianugerahkan kepada pencalonan projek-projek oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

### 3.3 **INTERNATIONAL INNOVATION ARSVOT MALAYSIA ( IAM 2021)**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya terus menempa kejayaan apabila merangkul anugerah di International Innovation Arsvot Malaysia (IAM 2021). Anugerah-anugerah yang diterima oleh Majlis adalah Gold Award, Best Award dan Best Presenter.

IAM 2021 merupakan pameran yang bertujuan untuk memperkenalkan daya kreatif dan inovasi dalam bentuk pengajaran dan pembelajaran selain menjadi wadah berkongsi kepakaran kreatif. IAM 2021 pada edisi ini telah dianjurkan secara dalam talian melalui aplikasi *zoom* dan disertai seramai 359 peserta dari dalam dan luar negara seperti Indonesia, Thailand, Brunei dan Nigeria.

Majlis yang berada di kategori Accredited Center For Instructor, yang diwakili oleh kumpulan PJ Infinite telah membentangkan projek rekaannya iaitu alat ringan mengangkat tong sampah atau dikenali sebagai Armtos. Turut berada di senarai akhir bagi kategori ini adalah Jabatan Pembangunan Kemahiran dan 'Centre for Instructor And Advanced Skill Training' (CIAST).



Semoga anugerah yang dirangkul ini menjadi titik permulaan yang baik dan sumber aspirasi Majlis ke arah penyertaan pertandingan inovasi pada masa akan datang.

### 3.4 **JALINAN KASIH RAMADHAN 1442H**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menganjurkan Program Jalinan Kasih Sempena Bulan Ramadhan buat kali kedua selepas ianya dianjurkan buat pertama kali pada Mei 2019. Penganjuran program amal ini bertujuan untuk membantu golongan asnaf atau yang kurang berkemampuan menyambut bulan Ramadhan terutamanya ketika mengharungi pandemik Covid-19.

Program ini juga merupakan sebahagian tanggungjawab sosial korporat MBPJ dalam menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan di samping mengeratkan hubungan baik antara Majlis dan juga penduduk di sekitar Petaling Jaya.

Menerusi program jalinan kasih itu, Majlis telah menyantuni dan memberikan sumbangan kepada tiga keluarga asnaf terpilih di PPR Kota Damansara. Sumbangan yang diberikan adalah berbentuk wang tunai, barangan keperluan harian, makanan kesihatan, barangan penjagaan diri, peralatan pesakit dan hamper biskut raya.

Setiap penerima terpilih ini merupakan golongan B40 yang mempunyai pendapatan kurang RM2000.00 ke bawah dan juga pemegang status ibu tunggal, warga emas, keluarga yang mempunyai anak ramai serta mempunyai ahli keluarga/anak kelainan upaya (OKU) terlantar. Golongan penerima ini juga merupakan golongan yang berdaftar dalam Program Pembangunan Komuniti Bandar MBPJ (PPKB).

Berdasarkan dapatan data Majlis, bilangan keluarga miskin yang layak berdaftar dengan PPKB adalah sebanyak 743 golongan miskin dan Majlis telah menerima sejumlah 1,376 permohonan yang telah direkodkan.

Untuk makluman semua, pada 12 April 2021 yang lalu, Majlis juga telah menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai kepada 60 orang yang terdiri daripada warga emas dan OKU di sekitar Petaling Jaya. Golongan penerima tersebut merupakan penduduk terpilih di sekitar PPR Kota Damansara, PPR Lembah Subang, Desa Mentari, Taman Medan, Taman Dato' Harun, Damansara Damai dan lain-lain kawasan di Petaling Jaya.



### 3.5 JOM BACA BERSAMA 10 MINIT : BACA ITU TERAPI

Pada 22 April 2021 yang lalu, telah diadakan program Jom Baca Bersama 10 Minit “Baca Itu Terapi”. Ironinya, program ini merupakan program kali ke-8 yang diadakan serentak di seluruh Malaysia.

Majlis tidak terkecuali menyertai program yang telah bermula sejak tahun 2014 lagi. Program ini juga merupakan langkah membentuk masyarakat ke arah minat membaca walaupun dalam tempoh yang singkat (10 minit) selain bertujuan memastikan tabiat atau budaya membaca dalam kalangan masyarakat setanding dengan negara maju di dunia.

Program ini juga bermatlamat untuk membudayakan inisiatif membaca dengan menjadikan perpustakaan sebagai sebuah organisasi yang relevan dalam pendidikan selepas waktu persekolahan (‘school after school’) dalam melahirkan generasi muda yang mencintai ilmu, berakhlak mulia, mentaati agama, berbudi bahasa dan berkemahiran yang tinggi. Sasaran penyertaan meliputi pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri:

- a) Kanak-kanak prasekolah atau seawal boleh bertutur ( 2 tahun).
- b) Pelajar sekolah-sekolah seluruh Selangor.
- c) IPTA dan IPTS seluruh Selangor.
- d) Kakitangan awam dan semua agensi kerajaan negeri dan persekutuan.
- e) Badan-badan korporat dan GLC seluruh Selangor.
- f) Kakitangan swasta/syarikat seluruh Selangor.
- g) Persatuan dan NGO seluruh Selangor.
- h) Pengguna-pengguna Perpustakaan Awam/Akademik/Khusus seluruh Malaysia.
- i) Individu atau orang perseorangan yang terlibat.

Diharapkan budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia akan terus subur seiring ke arah ke negara maju yang turut memerlukan pemikiran rakyat yang berilmu dan berpengetahuan tinggi selain menjadikan budaya membaca sepanjang masa tanpa mengira berada di dalam kempen ataupun tidak.

### 3.6 SITUASI KES DEMAM DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada Minggu Epid (ME) ke 16 sehingga 24 April 2021 adalah sejumlah 354 kes yang dilaporkan. Laporan kes demam denggi ini menunjukkan penurunan sebanyak 81 peratus berbanding tahun 2020 dengan sebanyak 1,885 kes.



Walau bagaimanapun, jumlah ini merupakan jumlah yang terendah berbanding 2 PBT yang lain di Daerah Petaling. MBPJ merekodkan sejumlah 354 kes, MBSA 574 kes dan MBSJ 626 kes.

Tiga wabak terkawal dilaporkan manakala tiada lokaliti wabak tidak terkawal hotspot terkini yang aktif dilaporkan sehingga ME 16 (12/12/2020) di kawasan MBPJ. Tiada kes kematian yang dilaporkan.

BIL	LOKALITI WABAK TERKAWAL	BIL. KES	TARIKH MULA WABAK	TARIKH TAMAT WABAK
1	SEKSYEN 6 PJU 5 KOTA DAMANSARA (TERES)	2	18/04/2021	02/05/2021
2	SEKSYEN 17 (TERES 1) [JALAN 17/2, 17/4, 17/6, 17/11, 17/19]	2	15/4/2021	29/04/2021
3	MENTARI COURT PJS 8	2	19/04/2021	03/04/2021

### 3.7 BAZAR RAMADAN PETALING JAYA 2021 : 'ECO' DAN 'CASHLESS'

Sempena penganjuran Bazar Ramadan Petaling Jaya tahun 2021, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyediakan sebanyak 21 lokasi Bazar Ramadan di bawah seliaan Majlis dan empat (4) lokasi di bawah seliaan pihak swasta dengan jumlah tapak niaga sebanyak 900 petak.

Jumlah ini telah mengambil kira keperluan penjarakan fizikal bagi mengelakkan kesesakan orang ramai selaras dengan arahan pematuhan SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pemilihan tema 'Eco' dan 'Cashless' pada tahun ini adalah bagi meneruskan agenda Kerajaan Negeri untuk meneruskan Kempen Bebas Beg Plastik dan Polistirena bermula sejak 1 Januari 2017 dan Agenda Digitalisasi Selangor Pemangkin Negeri Pintar Ulung melalui Ucapan Belanjawan Negeri Selangor 2021 yang lalu.

Menerusi program Eco Bazar Ramadan 2021, Majlis akan terus berusaha memberi insiprasi dan motivasi kepada penududuk untuk mengamalkan cara hidup lestari dengan menukar corak pembungkusan makanan seperti membawa bekas makanan, minuman atau beg kitar semula sebagai pilihan pembungkusan semasa membeli juadah di Bazar Ramadan.



Sehubungan itu, Majlis meneruskan kempen kesedaran bebas beg plastik dengan program insentif tunai bagi pengunjung yang membawa sendiri bekas makanan, minuman, bakul atau beg kitar semula semasa membeli juadah di Bazar Ramadan. Pengunjung terpilih akan diberi insentif berbentuk kupon bernilai RM10.00 yang boleh digunakan pada hari yang sama.

Program ini memberi kelebihan kepada 2,000 pengunjung yang hadir dengan membawa bekas makanan dan minuman sendiri di Bazar Ramadan MBPJ yang melibatkan 20 lokasi. Program ini bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam berkenaan kempen bebas beg plastik, tetapi mewujudkan 'strong educational character' untuk meningkatkan kesedaran dan inisiatif dalam menjaga alam sekitar.

Selain meneruskan kempen bebas beg plastik, Majlis juga terus menyokong agenda digitalisasi Kerajaan Negeri dengan meneruskan konsep perniagaan transaksi tanpa tunai 'cashless' di Bazar Ramadan ini dengan kerjasama rakan strategik Majlis bersama Maybank, Grab Food, Touch & Go eWallet, Boost dan DeGo. Sehingga kini, sebanyak 191 peniaga Bazar Ramadhan telah berdaftar dengan syarikat penghantaran makanan dan syarikat eWallet.

Seperti yang sedia maklum, pandemik Covid-19 merupakan satu detik sukar dan mencabar kepada negara yang pastinya telah merubah landskap sosioekonomi negara. Justeru, dengan menjalankan perniagaan transaksi tanpa tunai secara tidak langsung dapat mengurangkan risiko sentuhan dalam kalangan peniaga dan pengunjung.

Dengan adanya program 'Eco' dan 'Cashless' Bazar Ramadhan Petaling Jaya 2021 dapat membantu usaha Kerajaan Negeri ke arah sifar plastik sekali guna untuk persekitaran yang bersih dan sihat menjelang 2030 serta menyokong Agenda Digitalisasi Selangor Pemangkin Negeri Pintar Ulung seperti yang dizahirkan oleh YAB Menteri Besar Selangor semasa Ucapan Belanjawan Negeri Selangor 2021.

#### **4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

##### **4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 2 TAHUN 2021 (PENGGAL 2021/2022)**

4.1.2 Minit Mesyuarat Majlis Bilangan 2 Tahun 2021 bagi penggal 2021/2022 bertarikh 30 Mac 2021 disahkan tanpa pindaan.





5. **LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS:**
- 5.1 **LAPORAN MAKLUMBALAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 2 TAHUN 2021 (PENGAL 2021/2022) YANG TELAH DIADAKAN PADA 30 MAC 2021.**
- Tiada
6. **MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.**
- 6.1 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 5 APRIL 2021 DAN 19 APRIL 2021.**  
**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (68))**  
**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (70))**
- 6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.
- Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.**
- 6.2 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 29 MAC 2021 DAN 20 APRIL 2021.**  
**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (123))**  
**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (125))**
- 6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.
- Tindakan : Ketua Penolong Pengarah (Perolehan), MBPJ.**
- 6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 13 APRIL 2021.**  
**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (88))**
- 6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara:
- Pindaan bagi perkara 7.5.1 para 3 di muka surat 13.
- ...KDEBWM untuk membuat pembersihan di jalan dan longkang tepi dan belakang kawasan perumahan semasa menetapkan jadual pembersihan.
- Tindakan : Pengarah Jabatan Landskap, MBPJ.**



6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 13 APRIL 2021. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (84))**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.**

6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 15 APRIL 2021. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (63))**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.**

6.6 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 16 APRIL 2021. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (61))**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan ayat bagi perkara yang tidak diminitkan seperti berikut:

6.2.1 Mesyuarat membuat keputusan supaya:

- a) Jabatan Perancangan Pembangunan memberikan taklimat kepada Ahli Majlis sebelum sesi lawatan khas diadakan.
- b) Ahli Majlis yang ingin membuat lawatan terutama Ahli Majlis baru berhubung terus dengan Jabatan Perancangan Pembangunan bagi tujuan lawatan ke PJ Smart Center.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan MBPJ.**



**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALU LINTAS BERTARIKH 20 APRIL 2021. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (60))**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara:

Pindaan bagi perkara 6.1.2 c) di muka surat 19

YBhg Datuk Pengerusi meminta supaya pihak Jabatan mengenalpasti panel makmal ujian yang boleh digunakan...

Tambahan ayat bagi perkara 7.7.1 d di muka surat 24:

Encik Loyis turut menyampaikan perkara yang dibangkitkan oleh Puan Rahibah binti Che Omar yang meminta agar jabatan memastikan terdapat papantanda pemakluman bonggol 50 meter dan 100 meter sebagaimana yang disebut oleh wakil jabatan Kejuruteraan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas bulan lepas kerana melibatkan keselamatan pengguna.

Makluman papantanda tidak terhad dengan papantanda bonggol tetapi termasuk papantanda simpang.

Beliau turut meminta jabatan menyemak semula BQ dan memastikan Kontraktor membuat kerja dengan sempurna dan mengikut spesifikasi sebelum bayaran di buat.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 21 APRIL 2021. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (100))**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan:

Pindaan bagi perkara 3.0 para 7.3 (tindakan yang diambil) perenggan dua (2) para 4 di muka surat 2 iaitu

...Medan Selera SS 26/9 bagi ...

Pindaan bagi para 3 perkara 4.7.1 b) di muka surat 6

... Malaysia (RELA) atau kepada akaun anggota...



Pindaan bagi para 3 perkara 4.7.2 b) di muka surat 7

...(RELA) atau kepada akaun anggota seperti yang ...

**Tindakan : Pengarah Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 22 APRIL 2021.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (151))**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.**

**7. UCAPAN PENANGGUHAN**

**7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN SR. THAYALAN A/L KRISHNASAMY**

Beliau mengucapkan salam sejahtera dan Salam Vanakam yakni “saya hormati kesucian pada ihsan anda”.

Seterusnya beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Datuk Bandar kerana memberi ruang untuk berucap pada kali ini.

7.1.1 Wabak Covid-19 - Krisis Kemelesetan Ekonomi Kepada Masyarakat Dan Tindakan Proaktif Majlis Untuk Menangani Krisis Tersebut.

Wabak Covid-19 telah dan akan terus memberi impak yang paling radikal dan negatif kepada perkembangan sejagat masyarakat global.

Kesan-kesan negatif kepada kesihatan, sosial dan ekonomi masyarakat Malaysia tidak terkecuali walaupun terdapat banyak negara yang menghadapi cabaran yang lebih teruk terutamanya negara-negara dan warga dunia yang tidak berkemampuan dari segi ekonomi dan tidak sanggup mengamalkan protokol-protokol penjarakan sosial untuk pemulihan kesihatan.

Sehingga semalam jumlah kes wabak Covid-19 di dunia adalah lebih kurang 150 juta orang dengan kematian lebih kurang 3.2 juta orang. Perbandingan wabak Covid-19 yang mempunyai kadar kematian sebanyak 2% adalah tidak seteruk wabak Cacar Air (‘small pox’) yang melanda tahun 1877-1977 dan telah membawa kematian berjumlah 500 juta orang



dengan kadar purata kematian 35%. Vaksin wabak tersebut hanya berjaya dicipta pada tahun 1977 dan ianya dapat dihapuskan sepenuhnya pada tahun 1980.

Wabak Demam Spanish di antara 1918-1919 semasa Perang Dunia Pertama telah membawa kepada anggaran kematian 50-100 juta orang dengan kadar kematian 2.5%. Dalam masa setahun seramai 500 juta orang iaitu kira-kira  $\frac{1}{3}$  populasi warga dunia telah dijangkiti. Kita juga tahu dan kenal wabak HIV/AIDS yang sehingga ini tiada vaksin dan telah membunuh anggaran 32 juta orang sejak 1981 hingga sekarang.

Di Malaysia, kita bernasib baik kerana sistem pentadbiran kesihatan negara yang cekap dan berkaliber telah menyebabkan kes-kes wabak Covid-19 lebih terkawal. Kepakaran tinggi rawatan kes-kes wabak menyebabkan kes-kes kematian per juta kapita penduduk berbanding yang rendah sebanyak 45 walaupun ia masih tinggi jika dibandingkan dengan Singapura (0.36), Thailand dan Vietnam dalam lingkungan 2.0 kematian untuk tiap-tiap 1 juta penduduk.

Sekiranya dunia sejagat pernah menghadapi kesan wabak yang lebih teruk, mengapakah wabak Covid-19 lebih ditakuti oleh penduduk dunia. Ini kerana wabak Covid-19 mempunyai sifat menjelma dan bermutasi untuk menjadi virus yang lebih berbahaya dan vaksin yang dicipta mungkin tidak berkesan. Ditambah pula dengan evolusi globalisasi dan pergerakan bebas mudah sedunia yang menyebabkan perebakan virus dan penyakit mudah dan cepat berjangkit.

Kesan yang paling ditakuti walaupun telah mengamalkan penjarakan sosial dan mematuhi SOP adalah kesan 'lockdown' atau Perintah Kawalan Pergerakan yang telah membantutkan perkembangan ekonomi dan memberi kesan negatif kepada perkembangan sosial. Pentadbiran negara turut memerlukan perbelanjaan berjuta-juta ringgit untuk persediaan kemudahan perubatan serta pembelian vaksin.

Pertumbuhan ekonomi, kadar pekerjaan dan nilai mata wang Ringgit yang menurun menyebabkan beban kepada perancangan dan pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Negeri mahupun Pihak Berkuasa Tempatan. Kadar pengangguran turut meningkat daripada 3.5% sebelum Covid-19 menjadi 4.9% yakni dari jumlah anggaran warga menggagur 500 ribu kepada 775 ribu, pertambahan 50% atau 225 ribu dalam 15 bulan. Angka ini dijangka meningkat apabila keadaan ekonomi terutamanya pada syarikat-syarikat usahawan mikro, kecil dan



sederhana menjadi semakin runcing dengan bayaran balik pinjaman bank selepas moratorium pinjaman bank tamat.

Di dalam keadaan ekonomi yang mendesak dan peluang terhad, masyarakat akan lebih mengharap kepada peranan Pihak Berkuasa Tempatan untuk 'job creation' sebagaimana yang pernah dibangkitkan oleh Encik Derek John Fernandez dua bulan lepas. YBhg. Datuk Bandar turut mengulas beberapa perancangan dan program-program Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) bagi pemulihan ekonomi Negeri Selangor.

Sebagai Ahli Majlis bagaimanakah peranan kita di dalam membantu Kerajaan Negeri agar rakyat kurang terkesan dari segi ekonomi dan pemulihan ekonomi dengan cepat untuk bersaing dalam pasaran global.

Berikut adalah beberapa cadangan yang perlu diperhalusi dan dilaksanakan:

- 1) Mempermudahkan proses pelesenan dan membantu pengusaha dan pelabur baru.

Kita perlu menggalakkan pelaburan tempatan dan asing dengan mempermudahkan proses permohonan dan pengedaran maklumat yang perlu. Untuk suatu tempoh masa tertentu supaya menarik lebih pelabur berminat, usaha-usaha insentif kelonggaran syarat-syarat biasa majlis boleh dipertimbangkan.

Perbincangan dengan wakil badan-badan perniagaan termasuk IKS dan pihak berkepentingan boleh diadakan untuk mendapatkan idea-idea supaya proses dipermudahkan untuk pelaburan.

- 2) Perbelanjaan berhemah tetapi menggiatkan perbelanjaan wang yang terkumpul.
- 3) Mempercepatkan pembelanjaan wang dalam akaun-akaun amanah.

#### 7.1.2 Perancangan untuk masa hadapan Petaling Jaya

Di dalam Mesyuarat Jawatankuasa 'Industrial Park Management Committee' yang dipengerusi oleh Datuk Bandar, beberapa agenda yang paling menarik telah dibentangkan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan iaitu:



- i) Laporan Prestasi Pelaburan Selangor 2020 oleh MIDA Selangor di Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Selangor Bil 1/2021.
- ii) Laporan Pasaran Hartanah Tahun 2020

Wakil MIDA membentangkan strategi dan hala tuju untuk pembangunan industri dan pelaburan baru untuk Petaling Jaya memandangkan niat kebanyakan pemilik tanah-tanah perindustrian di Petaling Jaya adalah ke arah pembangunan komersial.

Banyak idea pembangunan dan potensi pelaburan ke arah teknologi baru dan Revolusi Industri 4.0 telah dikemukakan oleh pegawai agensi persekutuan. Mesyuarat telah bersetuju sesi dialog, berkongsi idea dan kerjasama strategi dan pemasaran akan diadakan dengan agensi-agensi penting persekutuan dan negeri supaya suatu strategi pembangunan yang holistik dapat dihasilkan di Petaling Jaya.

Ini lebih berkesan pada masa ini memandangkan pelantikan juruperunding perancang untuk Rancangan Kawasan Khas (JKK) untuk kawasan perindustrian Seksyen 51,51A dan 19 telah lengkap dan kajian-kajian untuk perancangan masa depan kawasan tersebut akan dimulakan untuk penyiapan RKK.

Ini merupakan satu perancangan bandaraya PJ yang paling penting kerana kita ahli majlis dapat peluang bernilai untuk terlibat secara berkesan dari aspek sosial ekonomi generasi akan datang untuk Bandaraya Pintar Petaling Jaya.

Laporan Pasaran Hartanah yang dibentangkan berdasarkan sumber National Property Information Centre (NAPIC) juga telah memaparkan data-data bekalan, permintaan, status kelebihan hartanah serta trend pasaran. Data-data ini penting dalam pertimbangan pembangunan masa hadapan Petaling Jaya termasuk pembinaan pembangunan mampu milik untuk warga Petaling Jaya.



- iii) Cadangan Lebu Raya Merentasi Damansara Ke Bukit Jalil.

Walaupun cadangan tersebut adalah dalam peringkat awal dan dalam proses perancangan yang telah direstui oleh kerajaan Negeri dengan syarat syarat pembangunan, media sosial banyak membuat spekulasi atas cadangan ini.

Beliau berpendapat, dengan keadaan kewangan majlis yang agak terhad untuk pembangunan infra, adalah wajar kita perlu mengkaji segala aspek cadangan ini supaya majlis dapat menjana impak yang tinggi sekiranya ianya dapat diluluskan.

Laporan Kesan Sosial (SIA), Persekitaran (EIA), Pengangkutan (TIA) dan Pembangunan Ekonomi (EIS) yang membawa kemajuan jangka panjang kepada Petaling Jaya wajar diteliti secara kritikal dengan data-data yang sahih dan relevan.

Secara peribadi beliau berkongsi pengalaman semasa kemelesetan ekonomi pada tahun 1985, 1998 dan 2008. Setiap kali kemelesetan ekonomi dipulihkan dengan kerajaan 'Pump Prime' ekonomi dengan pelaburan dalam sektor-sektor pemangkin seperti pembinaan, walaupun kerajaan mempunyai keinginan yang sama, oleh kerana kemelesetan ekonomi global dan pembelanjaan untuk sektor kesihatan untuk tangani wabak Covid-19, kerajaan dalam keadaan tertekan di dalam membelanjakan peruntukan untuk sektor infrastruktur negara.

Sekiranya pembangunan infra dapat dicapai melalui pelaburan swasta, majlis wajar mempertimbangkannya untuk kebaikan masyarakat dan untuk jangkamasa panjang. Majlis juga perlu was-was dengan niat agenda politik pembangkang dan faktor kepentingan peribadi segelintir pembangkang kepada cadangan pembangunan di Petaling Jaya.

YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas ucapan oleh Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy. Apa yang dibangkitkan adalah merupakan peranan utama kita sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terutama di peringkat paling bawah di dalam membantu Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk memulihkan ekonomi dan bersaing di peringkat global.





**SULIT**

Beliau melihat dari segi pendekatan, majlis telah mengambil langkah proaktif di dalam membantu memulihkan sektor ekonomi negara. Di peringkat mesyuarat jawatankuasa teknikal, majlis telah meluluskan beberapa bayaran yang fleksible untuk membantu sektor di atas beroperasi. Dalam masa yang sama kita boleh mempercepatkan proses-proses atau membuang proses yang tidak perlu semasa mempertimbangkan satu-satu permohonan. Walaubagaimanapun YBhg. Datuk Pengerusi mengingatkan agar kita tidak terleka atau terlupa dengan agenda oleh setengah pihak yang mengambil kesempatan semasa kita mempercepatkan proses. Kita perlu sentiasa berhati-hati dan mengambil perhatian terhadap golongan tersebut.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari dan YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir. YBhg. Datuk Pengerusi turut menjemput semua ahli mesyuarat ke program MOU bersama NESTLE pada jam 2.30 petang.



**(TPr. HJH. SHARIPAH MARHAINI BINTI SYED ALI) P.P.T.,**  
Timbalan Setiausaha,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 28 April 2021



**SULIT**

**LAMPIRAN KEHADIRAN****HADIR:**

1. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, - Pengerusi  
D.P.M.S., S.M.S.,  
Datuk Bandar, MBPJ.
2. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,  
Timbalan Setiausaha, MBPJ.
3. Encik Terence Tan Teck Seng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
4. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
5. Encik Zamri bin Mohamad,  
Ahli Majlis, MBPJ.
6. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
7. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
8. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
9. Encik Wong Swee Sang,  
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Ermeemarianna binti Saadon,  
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Anwar bin Nekhan, (Google Meet)  
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Chan Pak Keung,  
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Leong Chee Cheng, (Google Meet)  
Ahli Majlis, MBPJ.
15. Encik Loyis Anak Uding, (Google Meet)  
Ahli Majlis, MBPJ.



16. Encik Ong Yew Thai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Puan Quratulain Atiqah binti Norzahirul Anuar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy,  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Puan Sakinah Bibi Nagoor, (Google Meet)  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Rahibah binti Che Omar, (Google Meet)  
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Ridzuan bin Hj. Ahmad @ Awang,  
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Rozazitah binti Hj. Ahmad, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Encik Ng Yih Miin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Puan Norah binti Mansor,  
Ahli Majlis, MBPJ.
25. Puan Nalina Nair a/p Rama Krishnan,  
Ahli Majlis, MBPJ.
26. Puan Chang She-Yun,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

1. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, A.M.S., P.P.T.,  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
2. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S.,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
3. Tuan Ir. Hj. Ismail bin Shafie, A.I.S.,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
4. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M, – (Google Meet)  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.



5. Encik Aznan bin Hassan, A.I.S.,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
6. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T., – (Google Meet)  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
7. Tuan LAr. Dr. Badruzaman bin Jaafar,  
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
8. Puan Mahzura binti Mohd Amin, – (Google Meet)  
Penolong Pengarah Kanan,  
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
9. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
10. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S.,  
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
11. Encik Lee Lih Shyan, – (Google Meet)  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.
12. Puan Norzita binti Mokhtar, – (Google Meet)  
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
13. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S., (Google Meet)  
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
14. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T., (Google Meet)  
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
15. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K., (Google Meet)  
Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
16. Puan Tee Tzu Fong, (Google Meet)  
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
17. Puan Sr. Jayanthi a/p Kupusamy, – (Google Meet)  
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.

**URUSETIA :**

1. Puan Haslida binti Samat, P.P.S.,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



2. Puan Roziah binti Mohd Din,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
  
3. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

